AFFIN ISLAMIC

# POLISI PENDEDAHAN MAKLUMAT

Selaras dengan usaha ke arah meningkatkan kualiti serta standard tadbir urus dan kebertanggungjawaban Affin Bank Berhad 197501003274 (25046-T)dan Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V) (atau “Bank”) komited untuk mewujudkan budaya dengan nilai-nilai keterbukaan dan ketelusan yang tinggi.

Pihak Bank mengambil pendirian yang tegas terhadap sebarang tingkah laku yang menyalahi undang-undang, atau penyelewengan kewangan yang boleh mendatangkan mudarat kepada pelanggan, pembekal, orang awam, alam sekitar, atau apa-apa saja perbuatan yang boleh dianggap sebagai pembaziran atau apa-apa kerugian yang boleh dielakkan yang dilakukan oleh kakitangannya.

Justeru itu, pihak Bank telah merangka satu Polisi Pendedahan Maklumat bagi menyediakan saluran kepada semua kakitangan dan orang awam yang hendak melaporkan sebarang kelakuan tidak wajar.

Antara bentuk-bentuk kelakuan yang tidak wajar adalah seperti berikut:

- pelanggaran obligasi undang-undang dan keperluan berkanun
- penggunaan dana awam atau lain-lain dana secara tidak wajar atau tanpa kebenaran
- aktiviti yang menyalahi undang-undang, sama ada perlakuan jenayah atau pelanggaran undang-undang sivil
- penipuan dan rasuah
- penyimpangan atau penyelewengan kewangan
- perdagangan orang dalam, dorongan, sogokan dah ketidakjujuran
- pelanggaran Peraturan Kesihatan dan Keselamatan
- salah laksana keadilan (misalnya gangguan, diskriminasi, penganiayaan atau penyalahgunaan kuasa)
- pendedahan maklumat sulit tanpa kebenaran
- tingkah laku tidak wajar atau tidak beretika
- pembaziran, pencurian atau penyalahgunaan peruntukan/utiliti bank yang disengajakan
- perlakuan merosakkan aset/harta Bank yang disengajakan
- perlakuan menyembunyikan maklumat dengan sengaja mengenai sebarang perkara yang disebut di atas

## SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBUAT LAPORAN PENDEDAHAN?

- Mana-mana kakitangan dalam Kumpulan AFFIN Bank
- Pihak ketiga, seperti pelanggan, penyelia perkhidmatan, penjual, kontraktor, pembekal, perunding dan kakitangan pelatih Bank.

## PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERITAHU MAKLUMAT

Pihak Bank akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi segala maklumat berkaitan dengan laporan pendedahan maklumat. Laporan pendedahan maklumat akan dikendalikan secara sulit dan teliti.

**Semua Maklumat Adalah Hak Cipta Terpelihara © 2020 Affin Islamic Bank Berhad** 200501027372 (709506-V)

**AFFIN ISLAMIC**

## SALURAN LAPORAN

Sebarang laporan pendedahan maklumat boleh dibuat melalui **MANA-MANA** saluran yang berikut:



**E-mel** ke alamat berikut:

1. Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat
   Alamat e-mel: whistle_blowing@affinbank.com.my



**ATAU**

**Melalui surat dan kiriman/serahan tangan kepada**

1. Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat

   di alamat: AFFIN BANK BERHAD atau AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD
   Tingkat 4, Menara AFFIN,
   80, Jalan Raja Chulan,
   50200 Kuala Lumpur.

**DAN/ATAU**

2. Pengerusi, Jawatankuasa Pengarah Kumpulan Pematuhan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bagi Pendedahan Maklumat

   di alamat: AFFIN BANK BERHAD atau AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD
   Tingkat 4, Menara AFFIN,
   80, Jalan Raja Chulan,
   50200 Kuala Lumpur.

***** *hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dengan perkataan "**Sulit"**. Sila nyatakan di sudut kiri bahagian atas sampul surat "**Untuk Dibuka oleh Penerima Sahaja**".*
Penggunaan **Borang Pendedahan Maklumat** yang dilampirkan adalah digalakkan.

**Semua Maklumat Adalah Hak Cipta Terpelihara © 2020 Affin Islamic Bank Berhad** 200501027372 (709506-V)

Pemberitahuan Maklumat juga boleh menyalurkan maklumat kepada saluran selain yang disebutkan di atas seperti yang disenaraikan pada pautan berikut:



***<u>Agensi-agensi Kawal Selia atau Penguatkuasa Undang-Undang</u>***



***<u>Untuk Kakitangan/Pelatih Bank:</u>***

Selain daripada saluran-saluran yang disenaraikan di atas kakitangan/pelatih boleh juga menggunakan **peti aduan** yang terletak di **Tingkat 11 dan 18 Menara AFFIN, Kuala Lumpur**

## <u>MAKLUMAT YANG PERLU DISERTAKAN DALAM LAPORAN PENDEDAHAN MAKLUMAT</u>

Untuk memudahkan sebarang langkah siasatan dijalankan, maklumat-maklumat berikut hendaklah disediakan:

a) Nama individu yang membuat laporan, nombor telefon, alamat surat-menyurat atau alamat e-mel
b) Butiran orang yang terlibat atau terjejas;
c) Bentuk dakwaan termasuk bila dan di mana kelakuan tidak wajar berlaku; dan
d) Sebarang bukti atau maklumat sokongan daripada saksi-saksi yang boleh membantu siasatan.

## <u>PEMBERITAHUAN HASIL SIASATAN</u>

Maklum balas terhadap laporan pendedahan maklumat adalah bergantung kepada tahap keseriusan laporan tersebut. Sekiranya siasatan lanjut perlu dijalankan dibawah Polisi Pendedahan Maklumat Bank, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan/atau Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat boleh meminta maklumat atau keterangan tambahan daripada Pemberitahu Maklumat atau menyiasat perkara tersebut melalui Juruaudit Dalam Kumpulan atau pihak-pihak badan bebas yang lain.

**Semua Maklumat Adalah Hak Cipta Terpelihara © 2020 Affin Islamic Bank Berhad** 200501027372 (709506-V)